



REDZA kini dilantik menjadi penasihat saintifik ZM Network Centre yang mengeluarkan produk Sihat Sunnah berdasarkan makanan sunnah.



REDZA ketika berada di ICU akibat kanser limfoma Hodgkin yang dihidapinya hujung tahun lalu.

Oleh RAJA INTAN DIANNA RAJA AZAHAM
dianna.azaham@utusan.com.my
Foto IZHAM JAAFAR

Menempuh kanser dengan Sihat Sunnah

"Abah membeli sebuah buku berkaitan dengan amalan pemakanan Sunah dan mula memberi saya makanan seperti kurma dan habbatus sauda setiap hari"

APABILA bertemu dengan Juruterapi Terapeutik dan Senaman Kementerian Kesihatan Malaysia, Mohd Redza Abd Rahman, 28, dia kelihatan tenang dan amat positif.

Memang sudah sifat Redza agaknya yang turut bergelar jurulatih bertauliah serta penasihat pemakanan yang sentiasa ceria dan memberi galakan kepada sesiapa yang ditemuinya.

Namun hakikatnya, perjalanan hidup Redza bukanlah semudah yang disangka.

Dia pernah diberi ujian yang cukup besar sehingga boleh dikatakan berdepan dengan maut dalam hidupnya iaitu disahkan menghidap kanser sebanyak dua kali.

Kanser usus besar pada usia 13 tahun dan 15 tahun kemudian dia diduga dengan kanser kelenjar darah iaitu limfoma Hodgkin pula.

Kedua-duanya berada di peringkat empat dan ajaibnya dia berjaya menempuh dugaan tersebut dengan bantuan makanan sunnah.

Mengimbas kembali sewaktu pertama kali disahkan kanser, pada mulanya dia hanya merasai simptom biasa seperti sakit perut.

Namun, apabila kesakitan yang dirasai semakin melampau, bapanya terus membawanya ke hospital dan dia disahkan menghidap kanser usus besar di tahap empat dan tiada harapan untuk pulih.

"Bapa saya hanyalah seorang pemandu teksi dan tidak mampu menanggung kos rawatan seperti kemoterapi.

"Lalu saya dibawa pulang. Di usia 13 tahun, apa sangat yang saya tahu dan abah juga tidak mahu bercerita sangat penyakit saya ketika itu

kerana tidak mahu saya risau.

"Tetapi kanser tersebut semakin menunjukkan kesan. Saya tidak lalu makan dan sering muntah.

"Abah membeli sebuah buku berkaitan dengan amalan pemakanan Sunah dan mula memberi saya makanan seperti kurma dan habbatus sauda setiap hari.

"Alhamdulillah saya beransur pulih malah doktor juga terkejut apabila mendapati kanser saya hilang," ujarnya.

Ujar Redza, dari segi perubatan moden, ia dilihat sebagai sesuatu yang tidak mungkin tetapi ia sememangnya terbukti pada dirinya.

Kali kedua

Apabila sudah pulih, Redza menjalani kehidupan seperti biasa malah lebih aktif dalam menjalani kehidupan yang sihat dan menghargai hidup.

Kejadian tersebut membuatkan dia semakin menjaga pemakanan dan kesihatan, masih mengamalkan pemakanan sunnah tetapi semakin berkurangan. Hari-harinya sentiasa sibuk dengan menghadiri jemputan ceramah

kesihatan serta bertemu dengan klien yang memerlukan nasihat pemakanan dan kesihatan.

Redza terlalu sibuk membina kerjaya sehinggakan jika dia menghidap demam, sakit tonsil atau sakit-sakit badan dia tidak menghiraukannya.

Tidak disedarinya yang sakit-sakit kecil yang sering dihidapinya hujung tahun lalu merupakan tanda-tanda badannya terganggu dengan kanser limfoma Hodgkin pula.

"Sehinggalah pada satu hari saya demam sampai sesak nafas dan rakan saya membawa saya ke hospital.

"Setelah beberapa ujian sampai ke tahap saya memasuki Unit Rawatan Rapi (ICU), akhirnya doktor pakar mengesahkan saya menghidap kanser sekali lagi.

"Kali ini saya yang memilih untuk tidak melakukan rawatan kemoterapi kerana saya tahu kesan-kesannya yang teruk.

"Doktor kemudian sekadar mengawal simptom-simptom yang saya hidapi seperti jika saya sesak nafas, mereka memberi bantuan oksigen dan jika kurang darah, mereka menambahkannya," ujarnya.

Sehinggalah pada satu hari dia diberikan produk Sihat Sunnah oleh keluarganya, iaitu

produk makanan kesihatan berasaskan makanan sunnah.

Kebetulan, ia merupakan produk yang dirumus oleh Redza bersama Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Latiffah Abdul Latiff yang menjalankan kajian mengenai khasiat habbatus sauda sebelum dia jatuh sakit.

Namun ia belum sempat dipasarkan kerana masih melalui beberapa proses.

Formula berupa cecair itu amat mudah diambil Redza yang ketika itu tidak lalu makan dan sering muntah.

Selepas habis sebotol, Redza kembali bertenaga dan dia memilih untuk pulang ke rumah. Dia terus mengamalkannya dan kesihatannya beransur pulih dan kini dia kembali sihat serta dapat menjalani kehidupan normal kembali.

Ujarnya, makanan sunnah terdiri daripada 15 makanan yang terbaik dan rumusan Sihat Sunnah menggunakan 10 makanan yang terbaik mengikut sukatan yang sesuai serta tidak mengubah kejadiannya.

"Sekali lagi, makanan sunnah menyelamatkan saya," ujarnya.



Jerawat punca kurang keyakinan

HASIL kajian menunjukkan dua daripada tiga orang Asia dilaporkan berasa malu atau kurang berkeyakinan apabila mereka mempunyai jerawat.

Malah, ramai yang memilih untuk mengelak daripada menyertai aktiviti sosial atau bertemu bertemu dengan rakan-rakan apabila muncul jerawat, bintik hitam atau bintik merah di wajah mereka.

Jerawat adalah satu daripada masalah kulit paling biasa di Asia Pasifik, yang dihadapi lebih 460 juta orang di rantau ini.

Biarpun jerawat adalah satu kebiasaan, kesannya terhadap kualiti kehidupan tidak sepatutnya diabaikan.

Malah bagi mereka yang terpaksa berhadapan dengan keadaan itu dalam tempoh masa yang panjang, akan wujud perasaan kecewa, malu dan marah.

Pelbagai cara dilakukan bagi menghilangkan masalah jerawat, ada yang membantu tetapi ada juga amalan yang lagi memburukkan keadaan.

Rangkaian produk Papulex bertindak membersihkan, melindungi dan menjaga kulit

yang mudah berjerawat supaya ia sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

Ia bertindak dalam tiga cara iaitu menghalang percambahan bakteria P. acnes di bahagian luar lapisan kulit, membantu mengurangkan keradangan yang mengandungi 'nicotinamid', dan akhir sekali kandungan zink PCA yang membantu mengurangkan pengeluaran sebum.

Papulex dipercayai dapat membantu pesakit kembali berkeyakinan selain memberi jaminan hasil rawatan yang berkesan.